

16 OCT 1999

Samy-Ladang

LAPORAN TERPERINCI MENGENAI PEKERJA LADANG SIAP, KATA SAMY VELLU

IPOH, 16 Okt (Bernama) -- MIC telah menyiapkan laporan terperinci mengenai pekerja-pekerja ladang di negara ini yang akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu berkata laporan bertajuk "Pekerja Ladang di Alaf Baru" yang disediakan oleh beberapa pakar dalam bidang itu, diharap dapat mempertingkatkan kedudukan pekerja ladang di negara ini.

Laporan itu termasuk mengenai isu gaji bulanan dan keperluan meningkatkan dan mempelbagaikan kemahiran pekerja-pekerja ladang, katanya kepada pemberita selepas meletakkan batu asas Dewan Serbaguna Persatuan India Kinta di sini hari ini.

Beliau juga berkata MIC mahu kerajaan membantu mengatasi masalah lebih 1,000 pekerja ladang yang diberhentikan berikutan tindakan syarikat-syarikat perladangan menukarkan tanaman mereka daripada getah kepada kelapa sawit.

Syarikat-syarikat berkenaan baru-baru ini mengeluarkan notis pemberhentian kepada beberapa pekerja ladang mereka ekoran langkah syarikat-syarikat itu menukar jenis tanaman mereka.

" Mereka sepatutnya diberi latihan dalam bidang lain dan dicarikan tempat kerja yang lain daripada terus diberhentikan begitu sahaja," katanya.

Samy Vellu berkata walaupun para pekerja terlibat diberikan pampasan, jumlahnya tidak begitu besar memandangkan pendapatan bulanan mereka hanya RM400 sebulan.

Beliau berkata jumlah terbesar pekerja ladang yang diberhentikan ialah di Perak dan beliau telah memberitahu masalah itu kepada Dr Mahathir pada mesyuarat kabinet baru-baru ini.

Perkara itu juga merupakan antara 600 masalah yang ditimbulkan oleh ketua-ketua bahagian MIC dalam laporan mereka kepadanya baru-baru ini

Yang lain termasuk masalah perumahan dan isu hak milik tanah, penempatan mereka di Felda, isu sekolah tamil dan juga pembangunan dan kedudukan kuil-kuil.

Samy Vellu turut menasihatkan pekerja ladang supaya jangan terlalu bergantung kepada syarikat perladangan mereka sebaliknya memahirkan diri dalam bidang seperti kejuruteraan dan teknikal bagi membolehkan mereka mencari kerja yang lebih baik.

" Daripada menunggu mereka dibuang kerja, adalah lebih baik mereka mencari kerja yang lebih baik," katanya.

-- BERNAMA

HK RON